

Kematian Orang Asli Kuala Koh



Dr Zaini (dua kiri) melawat gerai pameran selepas merasmikan Konvensyen Halal Farmaseutikal Kebangsaan 2019 di Kota Bharu, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Zon merah ditarik balik minggu depan

Jabatan Kesihatan Kelantan giat pastikan kesihatan Orang Asli semakin baik

Oleh Syaherah Mustafa
cnews@nstp.com.my

Kota Bharu: Jabatan Kesihatan Kelantan akan menarik balik arahan zon merah di Kuala Koh, Gua Musang minggu depan, jika keadaan di kampung itu terk-

awal dan selamat.

Pengarahnya, Dr Zaini Hussin, berkata setakat ini pemantauan dari semasa ke semasa masih giat dijalankan bagi memastikan tahap kesihatan penduduk Orang Asli suku Batek semakin baik.

Beliau berkata, apa yang dilihat dalam tempoh seminggu ini hanya ada satu atau dua kes yang dibawa ke hospital, namun masih belum disahkan sama ada ia berkait dengan demam campak.

“Kita melihat kepada keadaan semasa, jika ia terkawal seperti yang berlaku sekarang, kita akan menasihatkan pihak berkuasa untuk menarik balik larangan zon merah.

“Pihak kami juga sudah memberi vaksin kepada penduduk di penempatan terbabit bermula semalam (kelmarin), selain turut mengarahkan suntikan vaksin diberi di Terengganu dan Pahang.

“Tindakan ini bagi memastikan suntikan vaksin mendapat liputan secara menyeluruh,” katanya selepas merasmikan Konvensyen Halal Farmaseutikal Kebangsaan 2019 di Hotel Perdana, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Sri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri dan Timbalan Pengarah Kesihatan (Farmasi) Kelantan, Shaik Nu-

rudin Shaik Shahrudin.

Mengulas lanjut, Dr Zaini berkata, pihaknya turut menjalin hubungan baik dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan agensi lain bagi mendapatkan liputan yang menyeluruh.

“Kita tidak boleh membuat andaian berkaitan punca penyakit dan apa yang penting sekarang ini adalah untuk pihak kami mengawal penyakit daripada terus merebak.

“Pihak jabatan kesihatan akan memberi khidmat sebaiknya sehingga masalah yang berlaku di perkampungan Orang Asli Kuala Koh selesai sepenuhnya,” katanya.